

NO. SOALAN: 30

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN**  
**[ SEPANG ]**

**TARIKH : 20 NOVEMBER 2017**

**SOALAN :**

**YB. Tuan Mohamed Hanipa Bin Maidin [ Sepang ] minta MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan :-**

- (a) berapakah jumlah sebenar pelancong yang telah datang ke Sepang sepanjang tahun 2016 dan tahun 2017 hingga 25 September 2017 dan berapakah jumlah pendapatan yang diperolehi oleh Daerah Sepang dari hasil pelancongan tersebut; dan
- (b) kawasan manakah di Sepang yang menjadi tumpuan utama pelancong dan adakah Kerajaan bercadang mempopularkan Pertandingan Perahu Layar Antarabangsa di Kampung Batu Laut sebagai salah satu produk pelancongan di Sepang.

**JAWAPAN :     DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ,  
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan kepada statistik yang diperolehi daripada Tourism Selangor Berhad iaitu badan pelancongan negeri yang mengawal selia program promosi pelancongan negeri Selangor, bagi tahun 2016, seramai 7,283,532 orang pelancong telah melawat negeri Selangor dan pada tahun 2017 (Januari - Jun) pula seramai 3,725,974 orang pelancong telah direkodkan. Jumlah kedatangan pelancong ke Daerah Sepang pula bagi tahun 2017 (Januari - Jun) telah direkodkan seramai 2,492,970 orang dengan syer peratusan pelancong sebanyak 67% daripada jumlah keseluruhan pelancong yang melawat Selangor sehingga Jun tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Selangor merupakan pintu masuk utama ke Malaysia yang mana terletakinya Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA2).

Antara kawasan yang menjadi tumpuan pelancong ke Daerah Sepang adalah Pantai Bagan Lalang yang sentiasa menjadi tumpuan khasnya bagi pelancong domestik. Di sepanjang pantai terdapat restoran-restoran makanan laut yang sememangnya terkenal di kalangan penduduk tempatan. Selain daripada itu, terdapat juga pusat peranginan atau *resort*

di sekitar pantai berkenaan. Antaranya, pusat peranginan kelolaan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) iaitu Resort Camar Laut.

Selain itu, Avani Sepang Goldcoast Resort juga merupakan salah satu *resort* yang terkenal dengan rekabentuk palma. Pasaran utama *resort* ini adalah pasangan berbulan madu serta keluarga. *Resort* ini juga menyediakan pakej ke *Homestay* Banghuris bagi para pelancong untuk merasai sendiri kehidupan penduduk setempat.

*Homestay* merupakan salah satu tarikan utama pelancong ke Daerah Sepang. *Homestay* seperti *Homestay* Banghuris yang sememangnya terkenal dan telah memenangi pelbagai anugerah di peringkat nasional dan antarabangsa.

Di samping itu, Mitsui Shopping Outlet merupakan pusat membeli belah utama di Sepang dan telah berjaya menarik minat pelancong domestik dan antarabangsa. Pusat berkenaan menempatkan pelbagai jenama mewah yang menawarkan harga yang berpatutan serta mampu milik.

Bagi peminat sukan permotoran pula, Muzium Automobil Nasional yang terletak di Litar Antarabangsa Sepang juga adalah antara salah satu tarikan pelancong di mana sejarah permotoran negara dipamerkan. Beroperasi dari pukul 9 pagi sehingga 6 petang, para pelancong akan dibawa menyusuri sejarah perindustrian kenderaan di Malaysia.

Acara Pertandingan Perahu Layar Antarabangsa Batu Laut merupakan acara tahunan anjuran Persatuan Perahu Layar Negeri

Selangor dan Persatuan Perahu Layar Malaysia dengan kerjasama Majlis Daerah Kuala Langat yang menghimpunkan pelayar-pelayar antarabangsa. Selain daripada itu, kawasan Batu Laut itu sendiri mempunyai beberapa pusat latihan pelayaran yang sentiasa dikunjungi oleh penduduk tempatan mahupun pelancong bagi mempelajari teknik-teknik pelayaran perahu layar yang terkini.

Dengan mengambilkira penyertaan antarabangsa yang memberangsangkan dan fasiliti latihan sedia ada, pertandingan perahu layar ini berpotensi untuk diketengahkan dan akan dirancarkan dengan bantuan aktiviti promosi.

Antara aktiviti promosi yang sesuai bagi pertandingan ini adalah melalui hebahan di platform media sosial seperti *Facebook* dan *Instagram* Tourism Malaysia.

Sekian, terima kasih.